

Weststar beli 10 helikopter

» Sokong penyertaan sulung syarikat di luar Asia Tenggara

Oleh Suffian Abu Bakar
suffian@mediaprima.com.my

Weststar Aviation Services Sdn Bhd, syarikat sokongan penerbangan pesisir pantai terbesar di Asia Tenggara, membeli lapan helikopter AgustaWestland dan dua helikopter Eurocopter bernilai RM710 juta, bagi menyokong penyertaan sulungnya di luar rantau ini.

Pengarah Urusannya, Tan Sri Syed Azman Syed Ibrahim, berkata helikopter itu ialah enam model AW139 dan dua model AW189 buatan AgustaWestland dan dua unit Eurocopter EC225.

"AW139 dan EC225 akan digunakan bagi menyokong kontrak antarabangsa pertama diperoleh Weststar daripada Tullow Oil Plc awal tahun ini berkaitan penerokaan mereka di Mauritania," katanya sambil menambah ia

adalah kontrak pertamanya di luar Malaysia.

Beliau berkata demikian pada majlis pemeteraian kontrak pembelian pesawat itu di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) sempena Pameran Antarabangsa Aerospace dan Maritim Langkawi 2013 (LIMA'13), di Langkawi, semalam.

Turut hadir Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Sri Mustapa Mohamed; Pengarah Urusan Perniagaan Antarabangsa AgustaWestland, Geoff Hoon dan Pengarah Urusan AgustaWestland Malaysia Sdn Bhd, Vincenzo Alaimo.

Pada majlis semalam, Weststar juga memeterai perjanjian persefahaman (MoU) dengan Eurocopter bagi pembelian dua pesawat EC225 yang disaksikan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Sokongan minyak, gas

Syed Azman berkata, EC225 itu juga adalah persediaan bagi kerja sokongan industri minyak dan gas di Iraq.



Naib Presiden Kanan Perniagaan Komersil Agusta Westland, Emilio Dalmasso (dua dari kiri) dan Syed Azman bertukar dokumen MoU sambil disaksikan Mustapa dan Vicenzo di Langkawi, semalam.

[FOTO BADRILA JAMILUS/BH]

Weststar ketika ini adalah penyedia perkhidmatan penerbangan pesisir pantai terbesar di Asia Tenggara dengan jumlah kontrak bernilai RM6 bilion.

Beliau berkata, Tullow Oil, syarikat multinasional cari gali minyak dan gas berpangkalan di London, United Kingdom, memiliki 85 lesen penerokaan merentasi 23 negara di benua Afrika.

Sehubungan itu, katanya, kontrak dengan Tullow Oil itu akan memudahkan laluan Weststar mendapatkan lebih banyak kontrak di benua Afrika.

Beliau berkata, kontrak ter-

baru itu menjadikan tempahan keseluruhan helikopter AgustaWestland oleh Weststar sejak 2010 sebanyak 30 unit.

Ia merangkumi 24 AW139, empat AW189 dan dua unit AW169. Weststar juga memiliki enam unit helikopter Eurocopter.

Tullow Oil Plc mengeluarkan 85,000 tong minyak mentah sehari tahun lalu. Aktiviti terbesarnya di Afrika yang ia menjumpai kawasan minyak baru di Ghana, Uganda dan Kenya.

Setakat 30 Jun 2010 Tullow Oil mempunyai simpanan minyak komersial 290.5 juta tong. Kadar kejayaan cari gali syarikat itu ialah 70 peratus, sekali ganda purata industri.

